

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**SOALAN NO. 185**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif dan penyelesaian yang dilakukan oleh Kementerian dalam menangani isu kejatuhan komoditi sawit yang mempengaruhi kehidupan peneroka FELDA secara menyeluruh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.

2. Beberapa fokus baharu telah dikenal pasti antaranya menstruktur semula FELDA, memperkukuh aktiviti teras melalui pengenalan model baharu pengurusan ladang, memperkukuh kedudukan kewangan serta meningkatkan inisiatif berkaitan kebajikan dan kesejahteraan peneroka. Di samping itu, FELDA akan meningkatkan aktiviti nilai tambah tinggi serta meningkatkan sinergi di sepanjang rangkaian nilai melalui kerjasama strategik dengan agensi berkaitan perladangan dan pertanian dalam aktiviti yang berpotensi tinggi.

3. Model FELDA baharu akan diperkenalkan iaitu melalui sewaan tanah peneroka untuk satu tempoh jangka panjang yang munasabah. Model ini akan menyelesaikan isu demografi peneroka dan ketiadaan ekonomi bidangan (*economies of scale*). Pengenalan model baharu ini akan membolehkan tanah peneroka diusahakan secara cekap, berskala besar dengan ekonomi bidangan yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

4. Melalui pelaksanaan model baharu ini, FELDA akan terus memberi fokus utama kepada aktiviti teras di sektor perladangan dan akan menjadi antara pengusaha tanah pertanian terbesar di Malaysia. Di samping itu, FELDA akan berupaya untuk meningkatkan inisiatif untuk menjana pendapatan baharu melalui diversifikasi tanaman dan mengenal pasti tanaman baharu yang sesuai dan berpotensi. Usaha ini turut meningkatkan pengeluaran makanan, menambah eksport dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

5. FELDA akan mengenal pasti program tanaman gantian dan ternakan yang mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat dan berpotensi untuk menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten. Antara tanaman gantian yang berpotensi ialah seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan kenaf yang akan mengurangkan kebergantungan kepada hasil kelapa sawit dan getah. Usaha ini akan dijalankan melalui kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta.

6. Usaha ini perlu dilaksana memandangkan industri kelapa sawit bergantung kepada pasaran dunia yang tidak menentu serta terdedah kepada pelbagai risiko seperti permintaan yang rendah daripada negara pengimport, sekatan dagangan daripada kebanyakan negara Eropah dan harga minyak sawit mentah (CPO) yang tidak stabil. Penanaman tanaman gantian ini juga dapat meringankan beban peneroka yang terkesan akibat kejatuhan harga komoditi. Program rintis mempelbagaikan hasil tanaman telah dilaksanakan di FELDA Bukit Rokan dan akan diperluas ke tanah rancangan lain dengan kerjasama pemegang taruh serta syarikat swasta menerusi tanaman integrasi ladang dan industri hiliran.

7. Harga komoditi termasuk sawit pada pasaran dunia pada masa ini adalah tidak menentu. Namun begitu, kesan perang dagang antara Amerika Syarikat dan China telah membuka ruang bagi negara mempertingkatkan eksport sawit yang merupakan pengganti kepada minyak soya dan kacang. Pada bulan Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekal 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga April 2019, eksport minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat hampir 255,000 tan dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion.

Sekian, terima kasih.